

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 30 Ogos 2021 14:28
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SYUKUR LENGKAP DOS KEDUA, 5586 TERIMA VAKSIN DI PPV 'OUTREACH' IPT UUM



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

30 OGOS 2021 / 21 MUHARAM 1443H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah, Mohamad Nizwan Awang dan Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

SYUKUR LENGKAP DOS KEDUA, 5586 TERIMA VAKSIN DI PPV 'OUTREACH' IPT UUM



UUM ONLINE: “Syukur,” itulah perasaan penerima vaksin Covid-19 yang berjaya melengkapkan suntikan dos kedua di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) ‘Outreach’ Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Universiti Utara Malaysia (UUM) di Dewan Mu’adzam Shah pada 27 dan 28 Ogos.

Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Anum Tunku Abdul Rahman, Mohamad Najib Mat Rus berkata, dia memilih untuk mengambil vaksin yang bertujuan melindungi diri daripada jangkitan virus Covid-19 selaras dengan saranan kerajaan.

Menurutnya, dia berharap dengan dos kedua ini bukan sahaja dapat mencegah jangkitan Covid-19 tetapi juga berharap berpeluang untuk menziarahi ibu bapa di kampung sekiranya kebenaran rentas negeri dibenarkan kelak.

“Alhamdulillah, selesai menerima dos kedua yang sangat cepat, malah petugas termasuk sukarelawan di sini sangat mesra dan bekerja dengan pantas, selain kemudahan disediakan di dalam dewan yang kondusif dan selesa.

“Saya juga rasa bersyukur sangat kerana sebagai ketua keluarga saya perlu melindungi diri dan ahli keluarga lain dari virus Covid-19 dan kini saya lebih yakin untuk keluar rumah bagi mencari keperluan harian walaupun masih perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan,” katanya yang memuji inisiatif UUM membuka PPV itu bagi memudahkan proses vaksinasi penduduk di sekitar daerah Kubang Pasu khususnya.

Bagi Penolong Pegawai Tadbir, Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz, Zulaidah Mat Said pula menyifatkan pengambilan vaksin merupakan satu ikhtiar untuk mencegah diri jangkitan Covid-19.

Menurutnya, meskipun keputusan untuk mengambil vaksin adalah hak individu tetapi keputusan yang dibuat itu akan membantu orang lain yang belum menerima vaksin dari dijangkiti.

Bagaimanapun, katanya, walaupun telah menerima dos lengkap, orang ramai dinasihatkan agar terus mematuhi SOP dan mengamalkan norma baharu sebagai langkah berjaga-jaga.

“Dekatkan diri kepada Allah, terus tabah, kekalkan disiplin dan komitmen kerana kita yang bakal menentukan kejayaan untuk bebas daripada Covid-19,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kesihatan Universiti, Dr. Adi Azhar Abdul Razak berkata, sebanyak 5,586 dos vaksin Covid-19 telah diberikan pada Jumaat dan Sabtu lalu.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, 3,186 adalah penerima dos pertama, manakala 2,400 adalah penerima dos kedua.

Katanya, dia berterima kasih kepada semua penerima yang datang mendapatkan suntikan vaksin itu dengan mematuhi SOP ditetapkan.

“Saya juga berterima kasih kepada semua petugas terlibat dari KKM, PKU serta sukarelawan bukan sahaja dari UUM, malahan badan bukan kerajaan (NGO) yang bersama-sama menjayakan PPV ‘Outreach’ IPT UUM ini sejak ia mula beroperasi hanya pada hujung minggu sejak 7 Ogos lalu,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.